

Pendidikan Komprehensif Mengenai HIV/AIDS Perlu Diperkenal Di Sekolah -

<http://ct.moreover.com/?a=17897289041&p=1dv&v=1&x=x4QsbraDRlonOJcDx39fIA>

KUALA LUMPUR, 31 Mei (Bernama) -- Pendidikan komprehensif mengenai HIV/AIDS patut diperkenalkan di sekolah untuk memberi pengetahuan yang boleh mendorong kepada perubahan tingkah laku sebagai usaha berterusan untuk mengurangkan penularan wabak itu. Ketika membuat saranan itu, penulis dan aktivis masyarakat Datin Paduka Marina Mahathir berkata pendidikan memainkan peranan penting dalam mengurangkan stigma, prejudis dan diskriminasi terhadap mereka yang hidup dengan HIV. Katanya, pendidikan berkesan mengenai HIV/AIDS boleh membantu mencegah jangkitan baharu melalui pengetahuan yang diberi kepada individu untuk melindungi diri mereka daripada dijangkiti virus penyakit itu. "Saya menganjurkan pendidikan mengenai HIV/AIDS sejak saya menjadi presiden Majlis AIDS Malaysia lagi. "Ketiadaan pendidikan membawa kepada kebimbangan dan memberi stigma kepada mereka yang menghidap HIV dan keadaan ini diburukkan lagi oleh ketidakfahaman dan tersalah maklumat," kata Marina ketika menyampaikan ucapan dalam Siri Syarahan Kepimpinan U-SchoS (ULLS) 2014 di Kuala Lumpur, Sabtu. Acara itu dihoskan UCSI Scholars' Club (U-SchoS), kelab yang ditubuhkan penerima biasiswa di UCSI University. Terdahulu, Marina berkongsi pengalaman dan cabaran yang beliau hadapi ketika memimpin pertubuhan bukan kerajaan bersama 500 pelajar daripada 28 universiti dan kolej pada siri syarahan itu. Beliau berkata pengetahuan dan kemahiran berkomunikasi amat penting bagi seseorang pemimpin kerana pemimpin bertanggungjawab menjadikan sesuatu wawasan sebagai kenyataan, terutama berkaitan respons terhadap HIV/AIDS. --BERNAMA